



مجلس بندياري قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 ( 55 )

Tarikh : 16 FEBRUARI 2022

## PERASMIAN BILIK PENYUSUAN KLINIK KESIHATAN MBPJ

Prihatin dan memahami keperluan kakitangan wanita terutama golongan ibu menyusui, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menyediakan satu ruangan khas bilik penyusuan yang terletak di Klinik Kesihatan MBPJ.

Usaha yang dilakukan ini bertujuan memberikan keselesaan golongan ibu untuk menyusukan bayi atau menguruskan kelengkapan bayi dengan tenang dan selesa. Usaha ini perlu dilihat dari sudut positif kerana golongan ini bukan sahaja memerlukan sokongan daripada ahli keluarga malah sokongan moral di tempat kerja perlu diberi sama rata bagi meningkatkan produktiviti kerja seharian.

Justeru, melalui usaha perintis ini Majlis berharap supaya semua pihak termasuk sektor swasta turut mengambil inisiatif menyediakan suasana '*breastfeeding-friendly*' di semua tempat terutamanya di pusat membeli belah bagi kemudahan pekerja wanita dan orang awam. Ini juga sejajar dengan usaha Majlis bagi mencapai matlamat Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan 2030 PJSSR@30 '*inclusive city*' dan '*child friendly city*' dengan menyediakan kemudahan berkenaan.

Untuk makluman, bilik penyusuan ini turut dilengkapi dengan tatacara mengenai keupayaan dan fleksibiliti untuk penyusuan susu ibu, menggalakkan aktiviti pendidikan mengenai penyusuan susu ibu, dan lain-lain bentuk sokongan di tempat kerja.

Bilik Penyusuan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Mohamad Azhan bin Md. Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

